



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi



15-17 November 2011
KLCC, Malaysia

PALM OIL

*Fortifying and Energizing
the World*

Ruj. Tuan / Your Ref.:

Ruj. Kami / Our Ref. :

(2)04/C/656/2 Jil.2

7 Julai 2011

Pk (EL) MPOB 02/2011

Semua Pemegang Lesen Kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit

Tuan

PENGUATKUASAAN PINDAAN DAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Penguatkuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama dan juga apa-apa syarat yang dikenakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

3. Mesyuarat Lembaga ke-56 yang telah diadakan pada 10 November 2009 telah memutuskan untuk meminda perenggan 1 dan perenggan 2 syarat-syarat bagi pemegang lesen dalam kategori peniaga buah kelapa sawit dan menambah syarat baru bagi kategori peniaga buah kelapa sawit. Sehubungan dengan itu, Lembaga mengambil ketetapan untuk menguatkuasakan syarat lesen yang dikenakan ke atas kategori peniaga buah kelapa sawit seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2011 [Pk (EL) MPOB 02/2011]** mulai 15 Julai 2011.

4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2011 [Pk (EL) MPOB 02/2011] untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"MESRA, ADIL, TEGAS DAN AMANAH"

Yang benar,



DATUK DR CHOO YUEN MAY
Ketua Pengarah
MPOB

- s.k. i. Setiausaha Eksekutif MPOA
ii. Setiausaha Eksekutif POMA
iii. Setiausaha Eksekutif MOPDA
iv. Setiausaha Eksekutif MEOMA
v. Setiausaha Eksekutif PORAM

 MPOB	LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB
--	---

Rujukan Pekeliling : Pk(EL)MPOB 02/2011

Tarikh Kuatkuasa : 15 Julai 2011

Perkara : **PENGUATKUASAAN PINDAAN DAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT (DF)**

1. TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan dua (2) pindaan dan dua (2) tambahan syarat lesen ke atas pemegang lesen kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) bagi aktiviti membeli, mengalih dan menjual buah kelapa sawit.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pemasaran buah kelapa sawit (FFB) di negara ini dikendalikan dengan dua kaedah iaitu *jualan terus* dari ladang atau kebun kecil ke kilang buah kelapa sawit dan *jualan berperingkat* dari ladang atau kebun kecil melalui peniaga buah kelapa sawit (DF) dan seterusnya ke kilang buah kelapa sawit.
- 2.2 Prinsip asal pengeluaran lesen kepada DF adalah untuk memberi perkhidmatan sebagai perantara memasarkan FFB, walau bagaimanapun terdapat sebilangan DF yang mampu memonopoli pasaran sehingga mengawal bekalan FFB ke kilang buah kelapa sawit.
- 2.3 Pada masa ini ketiadaan halangan urusniaga antara pemegang lesen DF, sempadan urusniaga menjadi begitu luas dan ia memberi ruang kepada DF yang mempunyai kewangan yang kukuh menguasai pasaran FFB. Sedemikian urusniaga FFB dimonopoli oleh sebilangan pemegang lesen DF yang berskala besar dan mereka mampu mengawal penawaran dan permintaan FFB dalam pasaran malah menetapkan harga FFB akibat kuasa jual beli yang dimiliki. Dalam keadaan ini kualiti FFB bukan lagi kriteria penetapan harga tetapi kuantiti FFB yang diurusniaga. Secara tidak langsung ini menyumbang kepada bekalan FFB yang tidak berkualiti kepada kilang dan seterusnya menyebabkan kadar perahan minyak berada di paras rendah.

BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

Wisma Sawit, Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
 Telefon: 603-78022800. Faks: 603-78033533 603-78061485. Website: <http://www.mpopb.gov.my>

 MPOB	LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB
--	---

- 2.4 Turutan daripada permasalahan yang berlaku, satu kajian telah dilaksanakan. Hasil daripada kajian serta konsultasi bersama industri, suatu pendekatan telah diambil dengan memutuskan bahawa syarat lesen sedia ada perlu dipinda dan juga tambahan syarat lesen untuk mengelakkan kewujudan pasaran monopoli dalam sektor perniagaan FFB dan pada masa yang sama memastikan FFB yang diurusniaga adalah berkualiti tinggi. Keadaan ini akan membantu meningkatkan Kadar Perahan Minyak (OER) sawit seperti yang digariskan di bawah projek Program Transformasi Ekonomi (ETP).
- 2.5 Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Lembaga MPOB yang ke-56 bertarikh 10 November 2009 telah memutuskan untuk meminda dua (2) syarat lesen DF sedia ada dan menambah dua (2) syarat lesen.

3. PENGUATKUASAAN SYARAT LESEN

3.1 Lembaga akan menguatkuasakan syarat-syarat lesen bagi pemegang lesen dalam kategori peniaga buah kelapa sawit (DF) seperti berikut:

3.1.1 Pindaan syarat

Syarat lesen sedia ada:

- i. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli buah kelapa sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual buah kelapa sawit.
- ii. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual buah kelapa sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen untuk membeli buah kelapa sawit.

Syarat lesen selepas pindaan:

- i. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk membeli buah kelapa sawit daripada sesiapa kecuali daripada orang yang mempunyai lesen untuk menjual buah kelapa sawit **bagi kategori Estet (ET)** atau **Kebun Kecil (SH)**.
- ii. Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjual buah kelapa sawit kepada sesiapa kecuali kepada orang yang mempunyai lesen

BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

Wisma Sawit, Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78022800. Faks: 603-78033533 603-78061485. Website: <http://www.mpob.gov.my>

 MPOB	LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB
--	---

untuk membeli buah kelapa sawit **bagi kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF)**.

3.1.2 Tambahan Syarat

Syarat lesen baru:

- i. Pemegang lesen hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **satu orang penggred** yang memiliki sijil Kursus Penggredan Buah Kelapa Sawit yang diiktiraf oleh Lembaga yang berkhidmat dengannya; dan
 - ii. Pemegang lesen tidak dibenarkan membeli atau menerima buah kelapa sawit melebihi daripada **50,000 tan setahun**.
- 3.2 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar syarat-syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

4. PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2011 [Pk (EL) MPOB 02/2011] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori Peniaga(Buah Kelapa Sawit).

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai 15 Julai 2011.

6. PENGESAHAN & KELULUSAN



DATUK DR CHOO YUEN MAY

Ketua Pengarah

MPOB

Tarikh: *7 Julai 2011*

BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

Wisma Sawit, Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.
Telefon: 603-78022800. Faks: 603-78033533 603-78061485. Website: <http://www.mpob.gov.my>